

Kontrak ikut keperluan

Tawaran lanjutkan khidmat pegawai bersara bukan amalan lumrah: PM

Oleh Shamsul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tawaran kontrak bagi melanjutkan tugas pegawai tinggi kerajaan yang bersara bukan amalan lumrah dalam perkhidmatan awam, tetapi dibuat selepas menimbang pelbagai aspek termasuk keperluan dan keupayaan individu terbabit.

"Ada sebab-sebab apabila keputusan dibuat. Ini bergantung kepada pertimbangan ketua perkhidmatan masing-masing, termasuk dari segi keperluan dan kesihatan orang berkenaan meneruskan tugas.

"Boleh jadi, pihak yang hendak menggantinya dirasakan belum sesuai lagi," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kecenderungan kerajaan melanjutkan tempoh perkhidmatan pegawai tertingginya yang mencapai had persaraan.

Beberapa pegawai tertinggi kerajaan dijangka menamatkan kontrak tahun ini, termasuk Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, 59; Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri

Mohd Bakri Omar, 58; Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Seri Zulkipli Mat Noor, 56, dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Ambrin Buang, 57.

Samsudin akan menamatkan kontrak setahun pada 2 Mac ini selepas kali pertama kontraknya diperbaharui Mac tahun lalu manakala kontrak dua tahun Mohd Bakri berakhir 12 September ini. Zulkipli pula akan menamatkan tempoh kontraknya pada 19 Julai ini dan kontrak setahun Ambrin tamat bulan depan.

Abdullah berkata, kerajaan tidak mahu penyambungan khidmat pegawai kerajaan menjadi suatu perkara yang diberi kepada semua penjawat awam.

"Apa juga tindakan mahu diambil perlu dipastikan membawa kebaikan kepada jabatan yang dipimpin dan kepada perkhidmatan," katanya.

Katanya, banyak pertimbangan perlu diambil terutama dari aspek keupayaan mental dan fizikal, selain tidak mempunyai masalah yang boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil seperti terbabit dalam amalan rasuah.

Ditanya mengenai kedudukan Samsudin, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat spekulasi."

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) perlu mengambil tindakan jika mendapat laporan ada pengamal perubatan atau doktor melakukan pengguguran kandungan secara haram.

"MMA bertanggungjawab membuat pengawasan dan memastikan doktor yang memberi perkhidmatan perubatan dan rawatan mematuhi etika kedokteran," katanya.

Mengenai aduan mengenai kesu-

“Kita tidak mahu tindakan menyambung ini menjadi perkara yang diberi kepada semua. Itu juga ada yang marah, mengapa dia dipilih dan kenapa saya tidak”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

karan mendapatkan bantuan Tabung Bantuan Perubatan (TBP), Abdullah berkata:

"Saya tidak tahu... mengapa kalau dah longgar, masih susah sangat? Tentu ada sebab tertentu di pihak yang membuat aduan.... bagaimana ia menjadi susah?"

"Kalau benar susah, kita kena ambil tindakan mengurangkan kesudahan. Tapi kalau rakyat nak ambil tindakan, dia nak buat macam itu, macam ini, tak nak ikut peraturan maka akan jadi susah kepada dia untuk buat permohonan," katanya.

Abdullah berkata, syarat yang dikenakan perlulah bersesuaian dan munasabah, malah tidak ada undang-undang yang boleh memuaskan hati semua pihak.

Sementara itu, pada perhimpunan berkenaan, Abdullah menyerahkan sumbangan bernilai RM50,000 hasil kutipan derma kakitangan kementerian dan agensinya bagi mengisi tabung kemanusiaan Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy).

Sebanyak RM29,211.30 dikumpul dan Perdana Menteri menggenapkan sumbangan itu kepada RM50,000 sebelum menyerahkannya kepada Presiden Mercy, Datuk Dr Jemilah Mahmood.